

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20/3/2013

RABU 20.03.2013



Rugi RM1 juta
16 hektar tanah
dirampas

» 28



Dala

Buku *Biografi Rosmah Mansor* dilancarkan

UM - 20/3/2013

KUALA LUMPUR 19 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan buku biografi isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor di sini hari ini.

Buku kulit keras setebal 180 halaman dan berharga RM150 itu mengandungi 12 bab tentang perjalanan hidup Rosmah dari kecil sehingga sekarang, di samping menjawab pelbagai persoalan yang sering dikaitkan dengan beliau.

Buku yang berjudul *Biografi Rosmah Mansor* itu ditulis oleh penggiat teater dan novelis, Siti Rohayah Attan bersama Ketua Biro *Utusan Malaysia* di Putrajaya, Noraini Abd. Razak dan dibiayai Yayasan Amanah Perdana Malaysia (YAPM).

Pada majlis pelancaran tersebut, sebanyak RM500,000 diperolehi daripada hasil jualan buku itu dan separuh daripadanya disumbangkan kepada Yayasan Perdana Global.

Kerajaan Negeri Melaka turut membeli sebanyak 200 naskah buku berkenaan dan hasil jualan tersebut akan disumbangkan kepada Tabung Kesejahteraan Kanak-kanak Sedunia.

Yang turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; isteri Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam; bekas Menteri Pertanian, Tan Sri Sanusi Junid; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan dan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Wee Choo Keong.

Rosmah berkata, antara bahagian yang menjadi kegemaran beliau dalam buku ter-



NAJIB Tun Razak bersama Dr. Mahathir Mohamad melihat *Biografi Rosmah Mansor* yang ditunjukkan oleh Shamsulbahrin Ludin (tengah) sambil diperhatikan Rosmah Mansor dan Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ketika majlis pelancaran buku itu di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur, semalam.
- UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

sebut ialah mengenai penceritaan rakan-rakan tentang dirinya.

"Selain itu, saya turut menggemari bahagian yang mengkritik saya. Bagaimanapun, saya telah menjelaskan kritikan dengan fakta yang benar," ujarnya.

Dalam pada itu, Pengerusi YAPM, Shamsulbahrin Ludin berkata, buku tersebut diterbitkan agar orang ramai mendapat gambaran lebih jelas tentang Rosmah terutama untuk menolak fitnah yang ditaburkan pihak tidak bertanggungjawab.